

**Arkib Negara Berusaha Wujudkan Klasifikasi Fail Dan Pelupusan Rekod  
Bernama  
9 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Arkib Negara Malaysia sedang berusaha memberi kefahaman kepada penjawat awam tentang tatacara membangunkan sesebuah klasifikasi fail serta mewujudkan jadual pelupusan rekod yang seragam di semua pejabat kerajaan.

Menurut kenyataan Arkib Negara Isnin, untuk tujuan itu pihaknya menganjurkan sesi taklimat mengenai Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian selama tiga hari bermula hari ini.

Seramai 376 pegawai penjawat awam daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan 1 dan Pegawai Rekod Jabatan dan Pengurus Rekod menyertai taklimat selama tiga hari itu di Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara di sini.

Antara topik yang dibentangkan dalam sesi taklimat itu termasuk tentang perlunya diwujudkan klasifikasi fail yang seragam, penyediaan jadual pelupusan rekod fungsian serta inventori rekod jabatan bagi penyediaan jadual pelupusan rekod.

Sesi ini diharap dapat menjalin hubungan erat di kalangan pengurus rekod awam dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan rekod kerajaan," menurut kenyataan itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657956>